

TARIKH	22 104 / 2014	SEKSYEN	SETEMPAT
MUKA SURAT	15	RUANGAN	

**SUSULAN JEMAAH UMRAH MANGSA MERS**

## Ahli kumpulan pakej umrah tak dijangkiti

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan semua ahli kumpulan dalam pakej umrah sama dengan seorang mangsa yang maut akibat jangkitan Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS-Cov) bebas daripada jangkitan itu.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, mereka antara 79 sampel yang diambil daripada kontak rapat (close contact) yang bergejala dan tidak bergejala sebelum ini.

"Ahli kumpulan pakej umrah berkenaan membatik 17 jemaah didapati sihat dan tidak menunjukkan gejala dan disahkan negatif jangkitan MERS-Cov.

"Malah semua sampel itu (79 sampel) didapati tiada yang positif jangkitan itu manakala sehingga semalam (kelmarin), tiada kes baru dikesan dan tiada kluster jangkitan dilaporkan di seluruh negara menjadikan jumlah kumulatif kekal dengan satu kes kematian," katanya dalam kenyataan media di laman web rasmi KKM.

Dalam kenyataan itu, Dr Noor Hisham berkata, mereka yang pulang dari negara berkenaan dengan gejala jangkitan respiratori dinasihatkan memakai penutup mulut dan hidung, menjaga

adab batuk serta mengamalkan kebersihan.

Beliau turut mengingatkan mereka supaya segera mendapatkan rawatan perubahan sekiranya tidak sihat serta memaklumkan sejarah perjalanan mereka kepada doktor yang merawat.

"Kita juga memohon kerjasama agensi pelancongan khususnya yang menguruskan jemaah umrah/haji untuk memperkukuhkan kesedaran jemaah mengenai jangkitan MERS-Cov melalui hebahan maklumat secara berterusan dengan merujuk nasihat kesihatan KKM.

"KKM akan terus memantau situasi penyakit ini dan perkembangan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa," katanya.

Selain itu, beliau turut menasihatkan orang awam yang ingin mengadakan lawatan ke negara rantau Timur Tengah yang melaporkan kejadian jangkitan MERS-CoV mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau cecair sanitasi tangan.

Katanya, mereka turut dinasihatkan untuk mengelak dari mendekati dan menyentuh orang sakit selain mengelak dari melawat kandang haiwan, khususnya kandang unta.

## Penduduk bebas simptom

**Batu Pahat:** Seramai 1,036 penduduk Kampung Bintang Laut di sini, sudah disaring dan diisytiharkan bebas daripada simptom berkaitan jangkitan Sindrom Pernafasan Timur Tengah Coronavirus (MERS-Cov) yang meragut nyawa seorang penduduk kampung itu, baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri Datuk Ayub Rahmat berkata, bilangan penduduk yang dikenakan pengawasan dalam rumah juga semakin berkurangan dengan hanya 14 daripada 64 orang yang masih dipantau tahap kesihatan mereka.

Menurutnya, Jabatan Kesihatan Johor membuat keputusan menutup operasi Pusat Pemeriksaan Khas jangkitan itu di Kompleks Penghulu Mukim Peserai

apabila mendapati tiada penularan baru dikesan.

"Kakitangan Kesihatan sudah menyaring hampir semua penduduk membatik 274 rumah dengan 243 sudah dilawati manakala bakinya adalah rumah kosong tidak berpenghuni.

"Kementerian Kesihatan juga mengesahkan wabak berkenaan terkawal dan memutuskan untuk menutup operasi pusat pemeriksaan khas itu mulai kelmarin," katanya.

Katanya, mereka yang tidak sihat dan mempunyai petanda awal jangkitan diminta terus ke klinik atau hospital berdekatan segera.

"Keadaan 14 penduduk yang masih diawasi dalam keadaan baik dan menunjukkan perubahan positif untuk bebas daripada jangkitan itu," katanya.